

Rancangan Kami

Sejak penubuhan PIDM pada tahun 2005, kami telah membina asas yang kukuh untuk melindungi konsumen kewangan dan mengekalkan kestabilan sistem kewangan dalam persekitaran yang sentiasa berubah. Tumpuan kami adalah untuk memastikan kami dapat terus menjangka perubahan dalam landskap operasi sambil memastikan mandat kami dapat dilaksanakan dengan efektif. Ini disokong oleh proses perancangan strategik kukuh yang menilai persekitaran operasi, jangkaan pihak berkepentingan dan risiko utama, serta strategi untuk menanganinya. Kami juga mempertimbangkan sumber dan modal yang diperlukan bagi menyokong rancangan kami termasuk modal insan, modal sosial dan perhubungan, modal kewangan, modal intelektual dan modal pembangunan. Susulan penilaian ini, kami menggariskan perkara-perkara material yang memerlukan perhatian.¹

Rancangan Korporat tiga tahun kami menetapkan fokus strategik dan bidang keputusan utama kami, serta inisiatif korporat bagi tempoh perancangan tiga tahun tersebut. Setiap tahun, PIDM menetapkan inisiatif, sasaran prestasi dan bajet yang diperlukan untuk menyokong pelaksanaan inisiatif ini dan pelaksanaan operasi harian.


Rancangan Korporat 2023 – 2025

Rancangan Korporat PIDM 2023 – 2025, bertemakan “Merealisasikan Kesediaan”, mencerminkan hasrat strategik kami untuk mempergiatkan tumpuan kepada kesediaan resolusi. Hasrat ini dicapai dengan mempertingkatkan kesediaan dalaman, serta kesediaan pihak berkepentingan luaran kami, termasuk peserta jaring keselamatan kewangan, penyedia perkhidmatan, institusi ahli, media dan orang awam secara amnya, dalam menyokong pelaksanaan resolusi yang efektif ke atas institusi ahli kami. Koordinasi yang teratur antara PIDM dan pihak berkepentingan utama dalam mencapai objektif strategik kami untuk kesediaan resolusi digambarkan dalam gambar rajah di bawah.



¹ Rujuk kepada Risiko dan Perkara-Perkara Material di www.pidm.gov.my. Huraian tentang modal kami dan bagaimana pelbagai jenis modal saling berkaitan dan diterjemahkan untuk mencapai mandat kami, juga boleh didapati di sini

PIDM kemudiannya menetapkan perkara-perkara material yang dinyatakan sebagai sembilan bidang keputusan utama (*key result area* – KRA) di bawah tiga tonggak strategik, seperti yang digambarkan di bawah.



Tonggak strategik dan bidang keputusan utama bertujuan untuk mengukuhkan tumpuan PIDM terhadap kesediaan resolusi, mempertingkatkan sistem perlindungan konsumen kewangan, dan memastikan peranan kami sebagai pihak berkuasa resolusi bagi institusi ahli dapat difahami dengan jelas oleh pihak berkepentingan. Sasaran ini disokong oleh pemboleh dalaman seperti bakat dan keupayaan yang mantap, usaha transformasi digital yang berterusan merangkumi kemodenan infrastruktur dan keselamatan siber yang kukuh, serta tadbir urus dan operasi yang efektif.

Usaha Merealisasikan Kesediaan Kami

Tahun 2025 merupakan satu tempoh penting bagi PIDM kerana ianya menandakan pengakhiran tempoh Rancangan Korporat 2023 – 2025 kami. Dalam tempoh perancangan ini, kami telah mencapai kemajuan signifikan ke arah matlamat strategik kami untuk bersedia melaksanakan resolusi.



Daripada kesediaan dalaman kepada kesediaan kolaboratif

Kesediaan merupakan asas utama dalam memastikan komitmen PIDM untuk melaksanakan tindakan resolusi terhadap institusi ahli sekiranya berlaku kegagalan atau hampir gagal. Kami telah memperkukuh kesediaan secara menyeluruh, terutamanya dari segi kesediaan kolaboratif, dengan meningkatkan agenda resolusi dan resolusi berlandaskan Syariah bersama industri, serta koordinasi antara agensi dengan peserta jaring keselamatan kewangan dan memperkukuh kerjasama rentas sempadan dengan pihak berkuasa resolusi lain. Inisiatif dan platform ini telah membolehkan pihak berkepentingan utama yang berkaitan dan merentasi pelbagai peranan dan kapasiti untuk menyokong kesediaan kami secara efektif bagi resolusi dan pengurusan krisis.



Daripada kesedaran kepada kepercayaan dan advokasi

Kepercayaan dan keyakinan adalah kunci kepada kesediaan. Ini termasuk kepercayaan dan pemahaman pihak berkepentingan terhadap mandat dan peranan PIDM, sama ada sebagai pihak berkuasa resolusi mahupun pihak berkuasa perlindungan konsumen kewangan. Kami bukan sahaja telah meningkatkan tahap kesedaran dan pemahaman tetapi juga advokasi dalam kalangan orang ramai dan media, yang terbukti melalui keputusan konsisten dalam tinjauan kesedaran awam tahunan yang mengatasi tahap kesedaran dan advokasi awam yang disasarkan. Pencapaian ini terhasil daripada penyampaian dan penjelasan kandungan yang relevan dan berkaitan secara berterusan melalui saluran media digital dan sosial kami, kerjasama dengan agensi pengawal selia lain serta melalui pelibatan dengan pihak media.



Daripada keadaan stabil kepada kesediaan menerima perubahan dan bertindak tangkas

Modal insan, teknologi, tadbir urus dan operasi merupakan faktor penting dalam menyokong objektif strategik PIDM. Peralihan pemikiran organisasi ke arah menerima perubahan dan ketangkasan telah membolehkan kami membina asas kukuh untuk menghadapi perubahan dalam kemajuan teknologi, mengurus risiko keselamatan siber dan mengubah cara kami bekerja. Kami telah menerapkan asas budaya digital dan kemampanan dalam kalangan kakitangan, melengkapkan mereka dengan kemahiran menerajui masa depan, menggunakan analitik data dengan lebih efektif bagi membuat keputusan yang lebih tepat dan memodenkan aplikasi sistem kami dengan ciri-ciri keselamatan yang diperkukuh agar PIDM bersedia dalam persekitaran teknologi awan.

Sepanjang tiga tahun yang lalu, kami telah mencapai aspirasi Rancangan Korporat kami. Usaha kolektif ini telah memperkukuhkan asas daya tahan dan kesediaan, menjadikan PIDM tangkas menangani cabaran masa depan dalam persekitaran yang sentiasa berubah.